	风扇出现问题。	检查风扇是否操作正常，否则需更换风扇。	
	电源板已损坏。	更换电源板。	
操作期间突然停止加热，并持续哗哗作响。	锅具不适合。	使用适当的锅具（请参阅使用手册）。	锅具检测电路已损坏，更换电源板。
	锅具直径过小。		
	易熔环已损坏	更换易熔环。	
风扇马达声异常。	风扇马达已损坏。	更换风扇	


以上是常见故障的判断和检修。

请勿自行拆卸本机，以避免任何危险或损坏电磁炉。

9. 安装


9.1 挑选安装设备

根据下图所示的尺寸在台面裁出洞口。
基于安装和使用目的，洞口周围应至少保留50mm的空间。
确保台面的厚度至少为30mm。请选择耐热的台面材质以免因炉面的热辐射而变形。 如下图所示：



A	B	C	D	E	F
670 ⁺⁴ -0 mm	400 ⁺⁴ -0 mm	50mm mini	50mm mini	50mm mini	50mm mini

电陶炉可放在橱柜台面上使用。电陶炉应平放。如下图所示：




A	B
50mm mini	50mm mini

无论在任何情况下，请确保电陶炉周围良好通风，其进气口和出气口未被堵塞。确保电陶炉维持良好的工作状态。如下图所示




注意：炉面与上方橱柜之间应保持至少760mm的安全距离。



A(mm)	B(mm)	C(mm)	D	E
760	50 mini	30 mini	进气	出气 10 mm

9.2 选定固定支架的位置之前

本机应安置在平稳和光滑的表面（使用包装）。勿大力按压本机突出的控制器。
安装后，用螺丝将炉底四个支架（见图）固定在台面上。调整支架的位置以适应不同的台面厚度。




9.3 注意事项

1. 本电陶炉必须由合格人员或技术人员安装。我们备有专人为您提供服务。请勿自行进行操作。
2. 本电陶炉不可安装在冷却设备、洗碗机和旋转烘干机上。
3. 本电磁炉应安装在散热良好之处，以提高其可靠性。
4. 料理台上方的墙壁和感应加热区应耐热。
5. 夹心层和粘合剂必须耐热以避免任何损坏。
6. 不可使用蒸汽清洁器。
7. 本电陶炉仅可连接备有不超过0.427 ohm的供电系统阻抗。如有必要，请咨询供电机构有关供电系统阻抗资讯。

9.4 连接本机与主电源

电源应按照相关标准或单极断路器连接。连接方法如下图所示。



- 1. 如果电缆已损坏或需更换，应由售后技术人员使用正确的工具进行，以免发生任何意外事故。
- 2. 若本机直接与电源连接，则必须安装一个全极性断路器，并保留至少3mm的间隔。
- 3. 安装人员必须确保已进行正确的电气连接，并符合安全规定。
- 4. 电缆不得弯曲或压挤。
- 5. 电缆必须定期检查，并且只能由合格专业人员进行更换。

	正确弃置本产品
	产品或其包装上贴有此符号，表示本产品不能当家居废物处理。应将其送到适当的废物收集站进行电器与电子设备循环回收。确保本产品正确处理，有助于避免因不当处理而对环境和人类健康造成的潜在负面影响。欲知有关本产品循环回收的详细资讯，请联系当地市政府、家居废物处理服务中心或您购买本产品的商店。



Hob Induksi/Seramik

Panduan Penggunaan / Panduan Pemasangan

MODEL: MC-IHD361



Kandungan

1. Prakata	3
1.1 Amaran Keselamatan	3
1.2 Pemasangan	3
1.2.1 Bahaya Kejutan Elektrik	3
1.2.2 Bahaya Terhiris	3
1.2.3 Arahan Keselamatan Yang Penting	3
1.3 Pengendalian Dan Penyelenggaraan	4
1.3.1 Bahaya Kejutan Elektrik	4
1.3.2 Bahaya Kesihatan	4
1.3.3 Bahaya Permukaan Panas	4
1.3.4 Bahaya Terhiris	5
1.3.5 Arahan Keselamatan Yang Penting	5
2. Pengenalan Produk	9
2.1 Pandangan Atas	9
2.2 Panel Kawalan	9
2.3 Prinsip Kerja	9
2.4 Sebelum Gunakan Hob Baru Anda	10
2.5 Spesifikasi Teknikal	10
3. Pengendalian Produk	10
3.1 Kawalan Sentuh	10
3.2 Memilih Perkakas Memasak Yang Sesuai	11
3.3 Cara-cara mengendalikan MC-IHD361	11
3.3.1 Memulakan Proses Memasak	11
3.3.2 Mengakhiri Proses Memasak	12
3.3.3 Mengunci Kawalan	13
3.3.4 Kawalan Pemasa	13
3.3.5 Perlindungan Suhu Berlebihan	14
3.3.6 Masa Bekerja Tetapan Asal	14
4. Panduan Memasak	14
4.1 Petua Memasak	14
4.1.1 Mereneh, Menanak Nasi	14
4.1.2 Memasak Stik	15
4.1.3 Menggoreng sayur	15
4.2 Pengesanan Benda Kecil	15
5. Tetapan Kuasa	15
6. Penjagaan Dan Pembersihan	16
7. Petua-petua	17
8. Paparan Kegagalan Dan Pemeriksaan	18
9. Pemasangan	19
9.1 Pemilihan Peralatan Untuk Pemasangan	19
9.2 Sebelum Tetapkan Tempat Untuk Memasang Braket	21
9.3 Peringatan	21
9.4 Sambungkan Hob Dengan Bekalan Kuasa Utama	22

1. Prakata

1.1 Amaran Keselamatan

Keselamatan anda adalah keutamaan kami. Sila baca maklumat ini sebelum anda gunakan hob ini.

1.2 Pemasangan

1.2.1 Bahaya Kejutan Elektrik

- Putuskan sambungan perkakas dengan bekalan elektrik utama sebelum menjalankan apa-apa kerja atau penyelenggaraan.
- Sambungan kepada sistem pendawaian bumi yang baik adalah penting dan diwajibkan.
- Pengubahsuaian terhadap sistem pendawaian domestik hanya boleh dilakukan oleh juruelektrik bertauliah.
- Gagal untuk mengikuti nasihat ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kematian.

1.2.2 Bahaya Terhiris

- Berhati-hati, tepi panel adalah tajam.
- Gagal untuk berhati-hati boleh mengakibatkan kecederaan atau luka terhiris.

1.2.3 Arahan Keselamatan Yang Penting

- Baca arahan penggunaan ini dengan teliti sebelum memasang atau menggunakan unit ini.
- Jangan letak sebarang bahan atau produk mudah terbakar di atas unit ini pada bila-bila masa.
- Sila berikan maklumat ini kepada orang yang bertanggungjawab untuk memasang unit ini kerana ia akan mengurangkan kos pemasangan anda.
- Untuk mengelakkan bahaya, unit ini mesti dipasang mengikut arahan pemasangan ini.
- Unit ini hendaklah dipasang dengan betul dan dibumikan

oleh orang yang berkekeluargaan.

- Unit ini perlu disambungkan ke litar yang hadir dengan suis pengasingan yang menyediakan pemutusan penuh daripada bekalan kuasa.
- Gagal untuk memasang unit ini dengan betul boleh menyebabkan sebarang jaminan atau liabiliti tuntutan menjadi tidak sah.

1.3 Pengendalian Dan Penyelenggaraan

1.3.1 Bahaya Kejutan Elektrik

- Jangan memasak di atas permukaan hob yang pecah atau retak. Jika permukaan hob sudah pecah atau retak, padamkan suis bekalan kuasa utama (suis dinding) dengan serta-merta dan hubungi juruteknik bertaualiah.
- Padamkan suis dinding unit ini sebelum kerja pembersihan atau penyelenggaraan.
- Gagal untuk mengikuti nasihat ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kematian.

1.3.2 Bahaya Kesihatan

- Unit ini memenuhi standard keselamatan elektromagnet.
- Bagaimanapun, orang-orang yang memakai perentak jantung atau implan elektrik yang lain (seperti pam insulin) harus dapatkan nasihat doktor atau pengeluar implan sebelum menggunakan unit ini untuk memastikan bahawa implan mereka tidak akan terjejas oleh medan elektromagnet.
- Gagal untuk mengikuti nasihat ini boleh menyebabkan kematian.

1.3.3 Bahaya Permukaan Panas

- Semasa penggunaan, bahagian-bahagian yang boleh dicapai akan menjadi cukup panas sehingga boleh menyebabkan kelecuman.
- Jangan biarkan badan anda, pakaian atau benda lain daripada bersentuhan dengan kaca Seramik selagi permukaannya belum mengejuk.
- Jauhkan daripada dicapai oleh kanak-kanak.
- Pemegang periuk mungkin panas apabila disentuh. Periksa

pemegang periuk supaya tidak mengunjur keluar ke zon memasak lain yang sedang beroperasi. Jauhkan pemegang periuk daripada dicapai oleh kanak-kanak.

- Gagal untuk mengikuti nasihat ini boleh menyebabkan terbakar atau melecur.

1.3.4 Bahaya Terhiris

- Pengikis hob yang setajam mata pisau akan terdedah apabila bungkusannya ditanggalkan. Guna dengan berhati-hati dan sentiasa disimpan secara selamat dan jauhkan daripada jangkauan kanak-kanak.
- Gagal untuk menggunakannya dengan berhati-hati boleh menyebabkan kecederaan atau luka terhiris.

1.3.5 Arahan Keselamatan Yang Penting

- Jangan biarkan unit ini tanpa pengawasan apabila ia digunakan. Makanan dalam periuk meluap-luap menyebabkan berasap dan limpahan berminyak boleh menyebabkan penyalaan.
- Jangan jadikan permukaan unit ini sebagai tempat untuk bekerja atau menyimpan barangan.
- Jangan tinggalkan apa-apa objek atau alat di atas unit ini.
- Jangan letakkan atau tinggalkan apa-apa objek boleh dimagnetkan (contohnya kad kredit, kad memori) atau peranti elektronik (contohnya komputer, pemain MP3) berhampiran dengan unit ini kerana ia mungkin terjejas oleh medan elektromagnet.
- Jangan gunakan unit ini untuk menghangatkan atau memanaskan bilik.
- Selepas penggunaan, sentiasa padamkan zon memasak dan unit ini dimatikan seperti yang dinyatakan dalam buku panduan ini (iaitu dengan menggunakan kawalan sentuh). Jangan bergantung kepada ciri pengesanan periuk untuk mematikan zon memasak apabila periuk dialihkan.
- Jangan biarkan kanak-kanak bermain dengan perkakas ini atau duduk, berdiri, atau memanjat di atasnya.
- Jangan simpan barangan yang menarik minat kanak-kanak di dalam kabinet di atas unit ini. Kanak-kanak memanjat di atas unit ini boleh mengalami kecederaan parah.
- Jangan biarkan anak-anak di kawasan di mana unit ini

sedang digunakan secara bersendirian atau tanpa pengawasan.

- Kanak-kanak atau orang dengan kecacatan yang menghadkan keupayaan mereka dalam menggunakan unit ini harus dapatkan orang yang bertanggungjawab dan berkemahiran untuk mengajar mereka tentang cara penggunaannya. Pelatih tersebut harus berpuas hati bahawa mereka mampu menggunakan unit ini tanpa membahayakan diri mereka atau persekitaran mereka.
- Jangan baiki atau gantikan mana-mana bahagian unit ini melainkan disyorkan khusus dalam manual ini. Semua perkhidmatan lain hendaklah dilakukan oleh juruteknik bertauliah.
- Jangan gunakan mesin pencuci wap untuk membersihkan unit ini.
- Jangan letakkan atau jatuhkan objek yang berat di atas unit ini.
- Jangan berdiri di atas unit ini.
- Jangan gunakan periuk dengan tepi tidak rata atau menyeret periuk di atas permukaan kaca seramik kerana perbuatan ini boleh mencalarkan kaca.
- Jangan gunakan penyental atau apa-apa bahan pembersih yang melelas untuk membersihkan unit ini, kerana ia boleh mencalarkan kaca seramik.
- **AMARAN:** Jika kord kuasa sudah rosak, ia mesti digantikan oleh pengilang, ejen perkhidmatan atau orang berkelayakan yang seumpamanya bagi mengelakkan bahaya.
- Objek logam seperti pisau, garpu, sudu dan penutup tidak boleh diletakkan di atas permukaan hob kerana mereka boleh menjadi panas.
- Unit ini bukan bertujuan untuk dikendalikan dengan pemasa luaran atau sistem kawalan jauh yang lain.
- Bahaya kebakaran: Jangan letakkan apa-apa benda di atas permukaan memasak.
- **AMARAN:** Proses memasak hendaklah sentiasa diawasi. Proses memasak untuk jangka masa pendek perlu diawasi secara berterusan.
- **AMARAN:** Memasak makanan berlemak atau berminyak di atas unit ini tanpa pengawasan adalah membahayakan dan boleh mengakibatkan kebakaran.

- JANGAN cuba padamkan api dengan air, sebaliknya harus matikan unit ini, lepas itu ditutup nyalaan api dengan penutup atau selimut pemadam api.
- Pencuci wap tidak boleh digunakan sama sekali.
- Jika permukaan hob sudah retak, matikan unit ini bagi mengelakkan kemungkinan mengalami kejutan elektrik. Permukaan hob berbentuk kaca seramik atau bahan seumpamanya adalah untuk melindungi bahagian yang mengalirkan arus elektrik.
- Unit ini bukan bertujuan untuk digunakan oleh orang (termasuk kanak-kanak) yang kurang upaya dari segi fizikal, deria atau mental, atau kurang pengalaman dan pengetahuan melainkan mereka telah diberi pengawasan atau arahan penggunaan unit ini oleh orang yang bertanggungjawab ke atas keselamatan mereka.
- Kanak-kanak harus diawasi bagi memastikan mereka tidak bermain dengan unit ini.
- **Amaran:** Hanya gunakan pengadang hob direka oleh pengeluar perkakas memasak atau yang dinyatakan oleh pengilang dalam arahan penggunaan tentang kesesuaiannya atau pengadang hob hadir dengan unit ini. Penggunaan pengadang yang tidak sesuai boleh menyebabkan kemalangan.
- Perkakas ini boleh digunakan oleh kanak-kanak berumur 8 tahun ke atas dan orang yang kurang upaya dari segi fizikal, deria atau mental atau kurang berpengalaman dan pengetahuan jika mereka telah diberi pengawasan atau arahan penggunaan unit ini dengan cara yang selamat dan memahami bahaya yang mungkin berlaku. Kanak-kanak tidak boleh bermain dengan unit ini. Pembersihan dan penyelenggaraan tidak boleh dilakukan oleh kanak-kanak tanpa pengawasan.
- Jauhkan unit ini dan kordnya daripada dicapai oleh kanak-kanak berusia kurang daripada 8 tahun.
- Produk ini bertujuan untuk digunakan di rumah dan penggunaan yang seumpamanya, seperti::
 - Dapur pekerja yang disediakan di dalam kedai, pejabat dan persekitaran kerja yang lain;
 - Rumah lading;
 - Digunakan oleh pelanggan di hotel, motel dan persekitaran inap yang lain;

- Persekitaran inap sarapan.
- **AMARAN:** Unit ini dan bahagian-bahagian boleh dicapai akan menjadi panas semasa digunakan.
- Perhatian perlu diambil untuk mengelakkan daripada tersentuh elemen pemanasan.
- Kanak-kanak kurang daripada 8 tahun hendaklah dijauhkan melainkan diawasi secara berterusan.


Tahniah atas pembelian Hob Seramik baru anda.

Anda disyorkan meluangkan sedikit masa untuk membaca Panduan Penggunaan / Pemasangan ini untuk memahami dengan sepenuhnya bagaimana untuk memasang dan mengendalikan unit ini dengan betul. Untuk pemasangan, sila baca bahagian pemasangan.


Baca semua arahan keselamatan dengan teliti sebelum penggunaan dan simpan Panduan Penggunaan / Pemasangan ini untuk rujukan kelak.

2. Pengenalan Produk

2.1 Pandangan Atas




2.2 Panel Kawalan



2.3 Prinsip Kerja

- **Zon Seramik Kanan:**
Memasak secara seramik menerapkan pemanasan dawai rintangan, dan melaraskan kuasa output dengan pelarasan kuasa melalui kawalan sentuhan.
- **Zon Induksi Kiri:**
Memasak secara induksi (aruhan) adalah teknologi memasak yang selamat, canggih, cekap, dan menjimatkan. Ia menjana haba melalui getaran elektromagnet untuk memanaskan periuk secara

langsung, dan bukannya melalui pemanasan permukaan kaca secara tidak langsung. Kaca hanya akan menjadi panas pada akhirnya kerana dipanaskan oleh periuk yang panas.



2.4 Sebelum Gunakan Hob Baru Anda

- Baca panduan ini dan memberi perhatian khas terhadap bahagian “Amaran Keselamatan”.
- Tanggalkan mana-mana lapisan pelindung yang mungkin masih terlekat pada hob seramik anda.

2.5 Spesifikasi Teknikal


Model	MC-IHD361
Zon Memasak	2 Zon
Voltan	220-240V 50/60Hz
Kuasa Terkadar	3200 W
Saiz Produk D×W×H(mm)	700X430X82
Dimensi Terbina dalam A×B (mm)	670X400

Berat dan Ukuran di atas adalah anggaran. Pihak syarikat sentiasa komited untuk menambah baik produk kami, dan mungkin akan mengubahsuai spesifikasi dan reka bentuk tanpa notis terlebih dahulu.

3. Pengendalian Produk

3.1 Kawalan Sentuh


- Kawalan bertindak balas terhadap sentuhan, anda tidak perlu tekan dengan kuat.
- Sentuh dengan bebola jari, bukannya hujung jari anda.
- Bunyi bip akan kedengaran setiap kali sentuhan didaftarkan.
- Pastikan Kawalan sentiasa berkeadaan bersih, kering, dan tidak ditutupi oleh sebarang objek (misalnya perkakas atau kain). Lapisan air yang nipis juga akan menyebabkan kawalan sukar dikendalikan.



3.2 Memilih Perkakas Memasak Yang Sesuai




- Hanya gunakan perkakas memasak dengan dasar yang sesuai untuk memasak secara induksi. Periksa simbol induksi pada bungkusannya atau di bahagian bawah periuk.
- Anda boleh periksa sama ada perkakas memasak anda sesuai dengan melakukan ujian magnet.
Gerakkan magnet ke arah dasar periuk. Jika ia tertarik, maka bermakna periuk itu sesuai untuk hob induksi.
- Jika anda tidak mempunyai magnet:
 1. Tambahkan sedikit air dalam periuk yang anda ingin periksa.
 2. Jika  tidak berkelip-kelip pada paparan dan air dipanaskan, maka bermakna periuk itu adalah sesuai.
- Perkakas memasak diperbuat daripada bahan-bahan seperti berikut adalah tidak sesuai: Keluli tahan karat tulen, aluminium atau tembaga tanpa dasar bermagnet, kaca, kayu, tembikar dan seramik.




Jangan gunakan perkakas memasak dengan dasar yang tidak rata atau melengkung.



Pastikan dasar periuk anda adalah rata dan licin, stabil diletak di atas kaca, dan mempunyai saiz yang sama seperti zon memasak. Sentiasa tempatkan periuk anda di tengah zon memasak.





Ketika mengalihkan periuk, sentiasa angkat periuk ke atas dan jangan dilongsor di atas hob seramik kerana ia boleh mencalarakan kaca.



3.3 Cara-cara Mengendalikan MC-IHD361

3.3.1 Memulakan Proses Memasak

Sentuh kawalan ON / OFF selama kira-kira dua saat. Selepas kuasa dihidupkan, pembaz akan berbunyi sekali, lampu penunjuk kuasa akan berkelip dan menunjukkan bahawa unit ini telah masuk ke mod sedia. (Jika tiada apa-apa pengendalian dilakukan dalam masa 60 saat, unit ini akan masuk ke mod kuasa dipadamkan.)	
Letakkan periuk yang sesuai pada zon memasak yang anda ingin gunakan. • Pastikan dasar periuk dan permukaan zon memasak adalah bersih dan kering.	
Pilih tetapan kuasa dengan menyentuh kawalan "-" atau "+". • Anda boleh mengubah suai tetapan kuasa pada bila-bila masa semasa memasak.	

• Jika pembaz mengeluarkan bunyi bip secara berselang-seli dengan tetapan kuasa (Hanya zon induksi):

Ini bermakna:

- anda belum letakkan periuk pada zon memasak yang betul; atau
- periuk yang anda gunakan tidak sesuai untuk memasak secara induksi; atau
- Saiz periuk terlalu kecil atau tidak diletakkan di tengah-tengah zon memasak.

Pemanasan tidak akan berlaku melainkan terdapat periuk yang sesuai pada zon memasak.

Paparan akan dipadamkan secara automatik selepas 2 minit jika tiada periuk yang sesuai diletakkan di atasnya.

• Jika zon seramik Kanan diaktifkan, zon induksi Kiri dihadkan sehingga 1400W.

3.3.2 Mengakhiri Proses Memasak

Padamkan seluruh unit ini dengan sentuh Kawalan On/Off.	
--	--

Berhati-hati terhadap permukaan panas "H" akan menunjukkan zon memasak yang mana adalah panas apabila disentuh. Ia akan hilang apabila permukaan hob telah menyejuk kepada suhu yang selamat. Ia juga boleh digunakan sebagai fungsi penjimatan tenaga jika anda mahu panaskan periuk yang lain, anda boleh gunakan plat yang masih panas.	
--	--

3.3.3 Mengunci Kawalan

- Anda boleh mengunci kawalan bagi mengelakkan penggunaan yang tidak diingini (contohnya kanak-kanak tidak sengaja menghidupkan zon memasak).
- Apabila kawalan dikunci, semua kawalan tidak boleh digunakan kecuali Kawalan ON/OFF.

Untuk mengunci kawalan	
Sentuh kawalan kunci 	Penunjuk pemasa akan menunjukkan " Loc " (dikunci)
Untuk membuka kunci	
Sentuh kawalan kunci  dan tahan untuk seketika (kira-kira 2 saat).	






Apabila hob ini dalam mod mengunci, semua kawalan tidak boleh digunakan kecuali ON/OFF , anda boleh padamkan hob seramik dengan kawalan ON/OFF  dalam keadaan kecemasan, tetapi anda harus membuka kunci hob ini terlebih dahulu sebelum meneruskan pengendalian berikutnya.

3.3.4 Kawalan Pemasa

- Anda boleh tetapkan masa untuk memadamkan satu atau lebih zon memasak apabila tamatnya masa tetapan.
- Masa tetapan maksimum untuk Pemasa adalah 120 minit.

a) Tetapkan pemasa untuk satu zon memasak

Tetapkan satu zon	
Sentuh kawalan pemasa bagi zon memasak yang anda mahu tetapkan pemasa untuknya.	
Tetapkan masa dengan menyentuh atau mengawal kawalan pemasa: Sentuh kawalan "-" atau "+" pemasa sekali akan berkurangan atau bertambah sebanyak 1 minit. Sentuh dan tahan kawalan "-" atau "+" pemasa akan berkurangan atau bertambah sebanyak 10 minit.	

Sentuh dan tahan kawalan pemasa selama kira-kira dua saat atau menyentuh "-" hingga memaparkan "00:00", dengan itu pemasa akan dibatalkan.	
Apabila masa telah ditetapkan, ia akan mula mengira terbalik dengan serta merta. Paparan akan menunjukkan masa yang tinggal. Apabila tamatnya pemasa memasak, zon memasak berkenaan akan dimatikan secara automatik.	



Zon memasak yang lain akan terus beroperasi jika ia telah dihidupkan sebelum ini.

3.3.5 Perlindungan Suhu Berlebihan

Sensor suhu disediakan untuk memantau suhu di dalam hob seramik. Apabila suhu berlebihan dikesan, hob seramik akan berhenti beroperasi secara automatik.

3.3.6 Masa Bekerja Tetapan Asal

Satu lagi ciri keselamatan hob adalah memadamkan hob secara automatik. Ini berlaku apabila anda terlupa untuk memadamkan zon memasak. Masa tetapan asal untuk memadamkan hod ialah 2 jam:

4. Panduan Memasak



Berhati-hati ketika menggoreng kerana minyak dan lemak akan menjadi panas dengan cepat, terutamanya jika anda menggunakan Power Boost. Pada kuasa yang sangat tinggi, minyak dan lemak akan menyala secara spontan dan ini akan mendatangkan risiko kebakaran yang serius.

4.1 Petua Memasak

- Apabila makanan mendidih, rendahkan kuasa tetapan.
- Gunakan penutup boleh mengurangkan masa memasak dan menjimatkan tenaga dengan cara mengekalkan haba di dalam periuk.
- Kurangkan kuantiti cecair atau lemak akan mengurangkan masa memasak.
- Mulakan proses memasak dengan kuasa tinggi dan rendahkan kuasa apabila makanan sudah dipanaskan dengan sepenuhnya.

4.1.1 Mereneh, Menanak Nasi

- Memasak secara mereneh dilakukan di bawah takat didih, iaitu pada kira-kira 85°C apabila buih mula terhasil dan sekali sekala naik di permukaan cecair dimasak. Inilah kunci untuk menghasilkan sup yang lazat dan hidangan stew yang empuk kerana makanan tidak dimasak secara melampau. Anda juga harus memasak hidangan berasaskan telur dan sos pekat di bawah takat didih.
- Untuk sesetengah tugas, termasuk menanak nasi dengan kaedah penyerapan, mungkin memerlukan tetapan kuasa yang lebih tinggi daripada tetapan kuasa paling rendah untuk memastikan makanan dimasak dengan sepenuhnya dalam masa yang disyorkan.

4.1.2 Memasak Stik

Memasak stik yang berjus dan lazat:

1. Letakkan daging pada suhu bilik selama 20 minit sebelum dimasak.
2. Panaskan kualiti dengan dasar yang berat.
3. Sapu kedua-dua belah stik dengan minyak. Tuangkan sedikit minyak ke dalam kualiti panas, lepas itu masukkan daging ke dalam kualiti panas.
4. Stik hanya diterbalikkan sekali sepanjang proses memasak. Masa memasak bergantung kepada ketebalan stik dan tingkat kematangan yang dikehendaki. Masanya mungkin berbeza-beza di antara 2-8 minit setiap sisi. Tekan stik untuk mengukur tingkat kematangannya, yakni semakin keras rasanya maka semakin tinggi tingkat kematangannya.
5. Biarkan stik berehat di atas pinggan panas selama beberapa minit agar ia menjadi lebih empuk sebelum dihidangkan.

4.1.3 Menggoreng Sayur

1. Pilih kualiti dengan dasar yang rata atau periuk besar yang sesuai untuk digunakan pada hob seramik.
2. Sediakan semua bahan dan peralatan yang diperlukan. Proses menggoreng kacau dilakukan dengan cepat. Jika kuantitinya terlalu banyak, bolehlah dimasak beberapa kali dalam kuantiti yang sesuai.
3. Panaskan sebentar kualiti dan tambah dua sudu minyak.
4. Tumis daging terlebih dahulu, diketepikan dan kekal panas.
5. Menggoreng sayur-sayuran. Apabila sayur-sayuran menjadi panas tetapi masih rangup, rendahkan kuasa tetapan bagi zon memasak, tuangkan daging ke dalam periuk dan tambahkan sos.
6. Goreng bahan makanan secara perlahan-lahan untuk memastikan ia masak dengan sepenuhnya.
7. Dihidangkan dengan serta merta.

4.2 Pengesanan Benda Kecil

Apabila periuk dengan saiz yang tidak sesuai atau tidak bermagnet (contohnya aluminium), atau benda-benda kecil (seperti pisau, garpu, kunci) telah ditinggalkan di atas hob, hob akan masuk ke Mod Sedia secara automatik dalam masa 1 minit. Kipas akan terus berfungsi selama 1 minit.

5. Tetapan Kuasa

Tetapan kuasa seperti berikut hanya sebagai garis panduan. Tetapan yang tepat akan bergantung kepada beberapa faktor, termasuk alat memasak dan kuantiti bahan masakan yang dimasak. Sentiasa memasak dengan hob Seramik untuk mengetahui tetapan kuasa yang paling sesuai.

Tetapan kuasa	Sesuai untuk
200 - 400	• Memanaskan kuantiti makanan yang sedikit • Mencairkan coklat, mentega dan makanan yang mudah menjadi hangus • Mereneh secara perlahan-lahan • Memanaskan makanan secara perlahan-lahan
600 - 800	• Memanaskan semula makanan • Mereneh dengan segera • Menanak nasi
1000 - 1200	• penkek
1400 - 1600	• Menggoreng saute • Memasak pasta

1800	• Menggoreng sayur • Membakar • Mendidih sup • Menjelang air
------	---

6. Penyelenggaraan & Pembersihan

Apa?	Bagaimana?	Perkara Penting!
Kekotoran sehari-hari pada kaca (cap jari, tanda, kesan yang ditinggalkan oleh makanan atau limpahan bukan bergula pada kaca)	1. Padamkan kuasa untuk hob ini. 2. Tuangkan sedikit bahan pembersih hob ketika kaca masih suam (tetapi tidak terlalu panas!) 3. Bilas dan lap hingga kering dengan kain bersih atau tuala kertas. 4. Hidupkan kembali kuasa untuk hob ini.	• Apabila kuasa untuk hob dipadamkan, petunjuk 'permukaan panas' tidak akan dipaparkan tetapi zon memasak mungkin masih panas! Anda diminta lebih berhati-hati! • Penyental tugas berat, penyental nilon dan bahan pembersih yang kasar/lelas boleh mencalar kaca. Sentiasa baca label untuk memeriksa sama ada pembersih atau penyental anda sesuai atau tidak. • Jangan tinggalkan sisa pembersih pada permukaan hob kerana ia akan menyebabkan kaca menjadi berwarna.
Tumpahan akibat mendidih, mencair, dan makanan bergula panas pada kaca	Dibuang dengan segera menggunakan penyodok, pisau palet atau pengikis yang sesuai untuk permukaan kaca seramik, dan berhati-hati terhadap permukaan panas zon memasak: 1. Padamkan kuasa dinding untuk hob ini. 2. Pegang pisau atau peralatan pada sudut 30° dan mengikis kotoran atau tumpahan ke permukaan hob yang sejuk. 3. Bersihkan kotoran atau tumpahan dengan kain atau tuala kertas. 4. Ikuti langkah 2 – 4 untuk "Kekotoran sehari-hari pada kaca" seperti di atas.	• Membuang kotoran yang ditinggalkan oleh cairan dan makanan bergula atau limpahan secepat mungkin. Jika dibiarkan sejuk pada kaca, kotoran itu mungkin sukar untuk dibuang atau menyebabkan kerosakan kekal pada permukaan kaca. • Bahaya terhiris: Pengikis hob yang setajam mata pisau akan terdedah apabila bungkusannya ditanggalkan. Guna dengan berhati-hati dan sentiasa disimpan secara selamat dan jauhkan daripada jangkauan kanak-kanak.
Tumpahan pada kawalan sentuh	1. Padamkan kuasa untuk hob ini. 2. Basahkan tumpahan. 3. Lap bahagian kawalan sentuh dengan span atau kain bersih yang basah. 4. Lap bahagian tersebut sehingga kering dengan tuala kertas. 5. Hidupkan kembali kuasa untuk hob ini.	• Hob ini akan mengeluarkan bunyi bip dan dipadamkan dengan sendiri, dan kawalan sentuh mungkin tidak berfungsi jika terdapat cecair padanya. Pastikan anda mengelap bahagian kawalan sentuh hingga kering sebelum menghidupkan kembali kuasa hob ini.

7. Petua-petua

Masalah	Punca-punca yang mungkin	Perkara yang harus dilakukan
Hob ini tidak dapat dihidupkan.	Tiada kuasa.	Pastikan hob seramik ini disambungkan pada bekalan kuasa dan suisnya telah dihidupkan. Periksa sama ada terdapat gangguan bekalan kuasa di rumah atau kawasan anda. Jika semuanya telah diperiksa dan masalah tersebut masih berterusan, sila hubungi juruteknik bertauliah.
Kawalan sentuh tidak responsif.	Kawalan sudah dikunci.	Membuka kunci kawalan. Sila rujuk bahagian 'Menggunakan Hob Seramik anda' untuk arahan pengendalian.
Kawalan sentuh sukar dikendalikan.	Mungkin terdapat lapisan air yang nipis pada kawalan atau anda menggunakan hujung jari untuk menyentuh kawalan.	Pastikan bahagian kawalan sentuh adalah kering dan menggunakan bebola jari anda untuk menyentuh kawalan.
Kaca telah dicalar.	Perkakas memasak mempunyai pinggir yang kasar. Produk pembersih atau penyental yang tidak sesuai dan kasar telah digunakan.	Gunakan perkakas memasak dengan dasar yang rata dan licin. Sila rujuk 'Memilih perkakas memasak yang sesuai'. Sila rujuk 'Penyelenggaraan dan pembersihan'.
Sesetengah periuk mengeluarkan bunyi dedas atau klik.	Ini mungkin disebabkan oleh struktur perkakas memasak anda (lapisan logam yang berlainan akan menghasilkan getaran yang berbeza).	Ini adalah gejala normal untuk perkakas memasak dan bukannya kegagalan fungsi.
Hob induksi mengeluarkan bunyi dengungan apabila digunakan pada tetapan kuasa yang tinggi.	Ini adalah disebabkan oleh teknologi memasak secara induksi.	Ini adalah gejala normal, namun bunyi itu harus menjadi senyap atau hilang sama sekali apabila tetapan kuasa direndahkan.
Hob induksi mengeluarkan bunyi kipas yang bising.	Kipas penyejuk dibina pada hob induksi bagi mencegah elemen elektronik daripada menjadi terlalu panas. Ia mungkin terus berjalan walaupun setelah kuasa hob dimatikan.	Ini adalah gejala normal dan tiada langkah perlu diambil. Jangan padamkan kuasa pada dinding untuk hob induksi apabila kipas masih berfungsi.
Periuk tidak menjadi panas dan ditunjukkan pada paparan.	Hob Induksi ini tidak dapat mengesan periuk kerana ia tidak sesuai untuk memasak secara induksi. Hob Induksi tidak dapat mengesan periuk kerana ia terlalu kecil untuk zon memasak atau tidak diletakkan di tengah-tengah zon memasak.	Gunakan perkakas memasak yang sesuai untuk memasak secara induksi. Sila rujuk bahagian 'Memilih perkakas memasak yang sesuai'. Letakkan periuk di tengah-tengah dan pastikan dasarnya sepadan dengan saiz zon memasak.

Hob Induksi atau zon memasak tiba-tiba dipadamkan dengan sendiri, mengeluarkan bunyi dan kod kegagalan dipaparkan (Biasanya berselang-seli dengan satu atau dua digit pada paparan pemasa memasak).	Kegagalan teknikal.	Sila catatkan huruf dan angka kegagalan, padamkan kuasa pada dinding untuk hob Induksi, dan hubungi juruteknik bertauliah.
---	---------------------	--

8. Paparan Kegagalan Dan Pemeriksaan

Hob Induksi dilengkapi dengan fungsi mendiagnosis sendiri. Dengan ujian ini juruteknik mampu memeriksa fungsi beberapa komponen tanpa perlu membuka atau merungkai hob ini daripada permukaannya.

Penyelesaian Masalah

1) Kod Kegagalan yang timbul ketika pelanggan menggunakannya dan cara-cara penyelesaian.

Kod kegagalan	Masalah	Penyelesaian
E1	Kegagalan sensor suhu plat seramik - litar terbuka.	Periksa sambungan atau gantikan sensor suhu plat seramik.
E2	Kegagalan sensor suhu plat seramik - litar pintas.	
E3	Sensor plat seramik bersuhu tinggi.	Sentuh butang "ON / OFF" untuk menghidupkan semula unit ini. Tunggu suhu seramik plat kembali kepada normal.
E4	Kegagalan sensor suhu IGBT (Litar terbuka)	Gantikan papan kuasa.
E5	Kegagalan sensor suhu IGBT (Litar pintas)	
E6	IGBT bersuhu tinggi.	Sentuh butang "ON / OFF" untuk menghidupkan semula unit ini. Tunggu suhu seramik plat kembali kepada normal. Periksa sama ada kipas berfungsi dengan lancar, jika tidak, gantikan kipas.
E7	Voltan bekalan lebih rendah daripada voltan terkadar.	Sila periksa sama ada bekalan kuasa adalah normal. Dihidupkan semula apabila bekalan kuasa menjadi normal.
E8	Voltan bekalan lebih tinggi daripada voltan terkadar.	
EB	Kegagalan sensor suhu plat seramik – tidak sah (F5 untuk 1#, F8 untuk 2#)	Periksa sambungan atau gantikan sensor suhu plat seramik.

2) Kegagalan tertentu dan penyelesaiannya

Kegagalan	Masalah	Penyelesaian A	Penyelesaian B
LED tidak menyala apabila unit ini dihidupkan.	Tiada bekalan kuasa.	Periksa sama ada plag dipasang kemas pada outlet dan outlet adalah berfungsi secara normal.	
	Kegagalan sambungan pada papan paparan dan papan kuasa aksesori.	Periksa sambungan.	
	Papan kuasa aksesori sudah rosak.	Gantikan papan kuasa aksesori.	
	Papan paparan sudah rosak.	Gantikan papan paparan.	
Sesetengah butang tidak berfungsi atau paparan LED tidak normal.	Papan paparan sudah rosak.	Gantikan papan paparan.	
Lampu penunjuk Mod Memasak menyala, tetapi pemanasan tidak bermula.	Hob mengalami suhu tinggi.	Suhu persekitaran mungkin terlalu tinggi. Saluran udara masuk atau lubang udara mungkin tersumbat.	
	Kipas mungkin mengalami masalah.	Periksa sama ada kipas berfungsi dengan lancar, jika tidak, gantikan kipas.	
	Papan kuasa sudah rosak.	Gantikan papan kuasa.	
Pemanasan tiba-tiba berhenti semasa berfungsi dan kedengaran bunyi bip setiap saat.	Jenis periuk tidak sesuai.	Gunakan periuk yang sesuai (Sila rujuk buku panduan).	Litar pengesanan periuk sudah rosak, gantikan papan kuasa.
	Diameter periuk terlalu kecil.		
	Sambungan termal sudah rosak.	Gantikan sambungan termal.	
Motor kipas mengeluarkan bunyi yang luar biasa.	Motor kipas sudah rosak.	Gantikan kipas.	

Jadual di atas adalah untuk mengenalpasti dan memeriksa kegagalan biasa.

Jangan sesekali merungkai unit ini dengan sendiri untuk mengelakkan sebarang bahaya dan kerosakan terhadap hob induksi.


9. Pemasangan

9.1 Pemilihan Peralatan Untuk Pemasangan

Potong permukaan kerja mengikut saiz seperti ditunjukkan dalam lukisan di bawah. Untuk tujuan pemasangan dan penggunaan, ruang sekurang-kurangnya 50mm harus dikedakkan di sekeliling lubang.


Pastikan permukaan kerja mempunyai ketebalan sekurang-kurangnya 30mm. Sila pilih bahan permukaan kerja tahan panas untuk mengelakkan perubahan bentuk yang disebabkan oleh

radiasi haba dari unit ini. Seperti yang ditunjukkan di bawah:



A	B	C	D	E	F
670 ⁺⁴ ₋₀ mm	400 ⁺⁴ ₋₀ mm	50mm mini	50mm mini	50mm mini	50mm mini

Hob seramik boleh diletakkan di atas meja kabinet. Hob seramik perlu diletakkan secara mendatar. Seperti ditunjukkan di bawah:




A	B
50mm mini	50mm mini

Tidak kira dalam apa jua keadaan, pastikan hob seramik mempunyai pengalihan udara yang baik, lubang udara masuk dan keluar tidak tersumbat. Pastikan hob seramik berada dalam keadaan kerja yang baik. Seperti ditunjukkan di bawah:



Nota: Jarak keselamatan antara unit ini dengan almari di atasnya hendaklah sekurang-kurangnya 760mm.




A(mm)	B(mm)	C(mm)	D	E
760	50 mini	30 mini	Pengaliran udara masuk	Lubang udara keluar 10 mm

9.2 Sebelum Tetapkan Tempat Untuk Memasang Braket

Unit ini perlu diletakkan pada permukaan yang stabil dan licin (gunakan bungkusan). Jangan mengenakan daya pada kawalan yang menonjol keluar dari hob.

Tetapkan hob di atas permukaan kerja dengan menskru empat braket pada bahagian bawah hob (lihat gambar) selepas pemasangan. Laraskan kedudukan braket untuk disesuaikan dengan ketebalan permukaan kerja yang berbeza.




9.3 Peringatan

1. Hob seramik ini mesti dipasang oleh orang atau juruteknik bertauliah. Kami mempunyai pakar yang bersedia untuk menawarkan perkhidmatan kepada anda. Jangan sesekali melakukan kerja pemasangan dengan sendiri.
2. Hob seramik ini tidak boleh dipasang di atas alat pendingin, mesin basuh pinggan mangkuk dan pengering putar.
3. Hob seramik ini hendaklah dipasang pada tempat yang mempunyai radiasi haba yang lebih baik bagi meningkatkan kebolehpercayaannya.
4. Dinding dan zon pemanasan induksi di atas permukaan kerja hendaklah tahan panas.
5. Untuk mengelakkan sebarang kerosakan, lapisan sandwic dan pelekat mestilah tahan panas.
6. Tidak boleh gunakan pembersih wap.
7. Hob seramik ini hanya boleh disambungkan pada bekalan dengan sistem impedans tidak melebihi 0.427 ohm. Sekiranya perlu, sila rujuk pihak berkuasa pembekal kuasa anda untuk mengetahui maklumat mengenai sistem impedans.

9.4 Sambungkan Hob Dengan Bekalan Kuasa Utama

Bekalan kuasa perlu disambung dengan mematuhi standard yang berkaitan, atau pemutus litar kutud tunggal. Kaedah penyambungan adalah ditunjukkan seperti di bawah.



1. Jika kabel sudah rosak atau perlu diganti, ia mesti dilakukan oleh juruteknik lepas jualan dengan menggunakan peralatan yang sesuai untuk mengelakkan sebarang kemalangan.
2. Jika unit ini disambungkan secara terus pada bekalan utama, pemutus litar omnipolar mesti dipasang dengan ruang minimum 3mm.
3. Pemasang perlu memastikan bahawa sambungan elektrik yang betul telah dilakukan dan bahawa ia mematuhi peraturan keselamatan.
4. Kabel tidak boleh dibengkok atau dimampat.
5. Kabel perlu diperiksa secara berkala dan hanya boleh digantikan oleh orang yang berkelayakan.

	Pelupusan Produk Ini Dengan Betul
	Simbol ini pada produk atau bungkusannya, menunjukkan bahawa produk ini tidak boleh dianggap sebagai sisa buangan isi rumah. Ia perlu dibawa ke pusat pemungutan sisa buangan yang sesuai untuk dikitar semula peralatan elektrik dan elektronik. Dengan memastikan produk ini dilupuskan dengan betul, anda akan membantu mencegah akibat negatif yang mungkin timbul terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia, yang mana mungkin disebabkan oleh cara pelupusan sisa produk ini yang tidak betul. Untuk maklumat lebih lanjut tentang kitar semula produk ini, sila hubungi kerajaan tempatan, perkhidmatan pelupusan sisa buangan isi rumah, atau kedai di mana anda membeli produk ini.